

30 JAN 1997

30 FIRMA RUSIA NAK SERTAI DALAM PAMERAN

KUALA LUMPUR, 30 Jan (Bernama) -- Kira-kira 30 syarikat dari Rusia akan mengambil bahagian dalam pameran sains dan teknologi selama seminggu di Hotel Ming Court Vista bermula 3 Mac.

Pameran itu, hasil ilham perdana menteri Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad, dianjurkan oleh Le Proton Exhibition Services Sdn Bhd, Kelab Rakan-rakan Malaysia di Rusia dan Roszarubezcentr, sebuah pertubuhan negara pemerintah Rusia. Perdana menteri telah mempelawa syarikat-syarikat Rusia untuk memindahkan teknologi mereka ke Malaysia.

Pengerusi eksekutif Le Proton Executive, Datuk Razdi Manan, berkata "Engineering 97" akan diadakan sebelum pameran yang lebih besar, iaitu "Tech Exchange" yang akan diadakan di sini kemudian.

Bercakap pada satu persidangan berita, beliau berkata Rusia jauh lebih maju dari segi teknologi sama seperti Amerika Syarikat dan Jepun dan beliau berharap syarikat tempatan akan dapat menubuhkan perkongsian di bawah konsep Perkongsian Bijak atau Perikatan Strategik dan sama-sama bekerja untuk menembusi pasaran sejagat.

Antara yang akan diperagakan pada pameran itu ialah kelengkapan perubatan, sistem komunikasi, bateri suria, bahan-bahan bio dan peralatan geodetik. -- BERNAMA.

MT SIA